

KHUTBAH AIDILADHA 1439H
“AIDILADHA: MANIFESTASI PENYERAHAN KEPADA PENCIPTA”
(22 Ogos 2018 / 10 Zulhijjah 1439)

اَللّٰهُ اَكْبَرُ، اَللّٰهُ اَكْبَرُ،
اَللّٰهُ اَكْبَرُ، اَللّٰهُ اَكْبَرُ،
اَللّٰهُ اَكْبَرُ، اَللّٰهُ اَكْبَرُ،
اَللّٰهُ اَكْبَرُ، اَللّٰهُ اَكْبَرُ، اَللّٰهُ اَكْبَرُ كَبِيْرًا، وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ كَثِيْرًا، وَسُبْحَانَ اللّٰهِ بُكْرَةً وَّاَصِيْلًا.
اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِيْ لَمْ يَتَّخِذْ وَلَدًا وَلَمْ يَكُنْ لَّهٗ شَرِيْكٌ فِي الْمُلْكِ وَلَمْ يَكُنْ لَّهٗ وَلِيٌّ مِّنْ
اَلَّذِيْنَ وَكَبَّرُوْهُ تَكْبِيْرًا.
اَشْهَدُ اَنْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اَللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيْكَ لَهٗ، وَلَهٗ اَسْمَاءُ الْحُسْنٰى، وَالصِّفَاتُ الْعُلٰى.
وَاَشْهَدُ اَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهٗ وَرَسُوْلُهٗ. الرَّحْمَةُ الْمُهْدَاةُ، وَالْبَدْرُ الدُّجٰى.
اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلٰى سَيِّدِنَا وَحَبِيْبِنَا وَنَبِيِّنَا وَقُدُوْتِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلٰى اٰلِهٖ
وَاَصْحَابِهٖ وَمَنْ اهْتَدٰى.
اَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اَللّٰهِ، اتَّقُوا اَللّٰهَ. وَتَزَوَّدُوْا فَاِنَّ خَيْرَ اَلْزَادِ اَلتَّقْوٰى، فَقَدْ فَازَ اَلْمُتَّقُوْنَ.

Wahai hamba-hamba Allah, bertaqwalah kamu kepada Allah ﷻ, dan carilah bekalan. Sesungguhnya sebaik-baik bekalan itu ialah bertaqwa kepada Allah ﷻ. Sesungguhnya berjayalah orang-orang yang bertaqwa.

MUSLIMIN DAN MUSLIMAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Pada hari ini kita menyambut Hari Raya Adha atau Hari Raya Korban dengan memperingati sirah Nabi Ibrahim عليه السلام yang melalui pelbagai ujian berat sebagai iktibar bagi seluruh umat manusia. Dengan itu, mimbar pada pagi ini akan membicarakan berkenaan **“Aidiladha Sebagai Manifestasi Penyerahan Kepada Pencipta.”**

MUSLIMIN DAN MUSLIMAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Mengambil hikmah pengajaran daripada sirah Nabi Ibrahim عليه السلام, bahawa Islam itu membawa maksud penyerahan diri kepada Allah عز وجل dengan hati yang ikhlas diikuti dengan jasad beramal dengan perintah-Nya walau diuji dengan pelbagai ujian sehingga terpaksa mengorbankan diri dan keluarga. Ujian-ujian ini tidak lain hadir setelah beriman dengan kalimah tauhid (لا إله إلا الله) dan penolakan terhadap sebarang bentuk kesyirikan dan kekufuran. Ujian-ujian ini juga sebagai cubaan Allah عز وجل terhadap tiap-tiap hamba-Nya yang mengaku beriman sebagaimana yang terkandung melalui firman-Nya dalam surah al-‘Ankabut ayat 2:

﴿أَحْسِبَ النَّاسُ أَنْ يُتْرَكُوا أَنْ يَقُولُوا ءَامَنَّا وَهُمْ لَا يُفْتَنُونَ﴾

Maksudnya: “Patutkah manusia menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata: Kami beriman, sedang mereka tidak diuji (dengan sesuatu cubaan)?”

Oleh itu, setiap orang mukmin pasti akan diuji oleh Allah سبحانه وتعالى. Para Nabi dan Rasul adalah orang yang paling kuat menerima ujian daripada Allah سبحانه وتعالى walaupun mereka tidak melakukan dosa berbanding kita selaku insan biasa yang banyak melakukan dosa kerana lalai dan alpa serta menurut hawa nafsu. Ujian yang ditimpakan oleh Allah سبحانه وتعالى kepada hambanya adalah berbentuk musibah dan nikmat yang mana kedua-duanya adalah bergantung kepada kemampuan kita untuk menerimanya. Baik musibah mahupun nikmat, yang pastinya ujian daripada Allah سبحانه وتعالى ini adalah merupakan peringatan, teguran, penghapusan dosa dan juga untuk mengangkat darjat kedudukan sekiranya kita akur, patuh serta kembali bertaqwa kepada Allah سبحانه وتعالى.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

MUSLIMIN DAN MUSLIMAT YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Seseorang yang beriman kepada Allah ﷻ, bermakna telah berikrar untuk menyerahkan diri secara tuntas kepada pencipta-Nya iaitu Allah Yang Maha Berkuasa dan Maha Agong. Penyerahan diri ini termasuklah secara fizikal, mental dan spiritual. Orang yang berserah diri akan ikhlas menerima segala ketentuan Allah ﷻ, yakin bahawa Dia Maha Penyayang dan Maha Bijaksana dalam menetapkan sesuatu ketentuan terhadap hamba-Nya.

Nabi Ibrahim عليه السلام diuji dengan perintah Allah ﷻ supaya meninggalkan isterinya Siti Hajar dan anaknya Nabi Ismail عليه السلام di tengah padang pasir yang gersang dan tidak berpenghuni. Seterusnya, Baginda عليه السلام diuji lagi dengan perintah mengorbankan puteranya yang telah sekian lama tidak bertemu. Perintah dan ujian ini bukanlah untuk tujuan penganiayaan tetapi penuh dengan hikmah dan pengajaran yang perlu diambil iktibar.

Antara lain ia memberi iktibar bahwa kita harus menyerahkan diri dan bergantung sepenuhnya kepada Allah عز وجل. Kalau kita bergantung selain daripada Allah ﷻ, maka sesungguhnya kita sedang bergantung dengan sesuatu yang sangat lemah kerana setiap makhluk memang sangat lemah. Yang Maha Kuat (القوي), Maha Kaya (الغني), Maha Pemurah (الكريم) dan Maha Penyayang (الرحيم) hanya Allah ﷻ sahaja. Dengan itu, sesuatu ujian akan menentukan sejauh mana kebergantungan kita kepada Allah ﷻ dan orang yang bergantung hanya kepada Allah ﷻ akan terima semua takdir ujian yang ditetapkan kepadanya, kerana yakin dan berserah diri dengan ketentuan Allah ﷻ.

Hanya Allah ﷻ sahajalah sebaik-baik tempat untuk kita bergantung dan bertawakal sepenuhnya tanpa keraguan, tidak bergantung harap kepada manusia, tuah, nasib, makhluk ghaib dan sebagainya. Bergantung dan bertawakal kepada Allah ﷻ akan menjadikan kita sentiasa mengharapkan rahmat, kasih sayang serta pertolongan-Nya dan ia adalah tanda sebenar-benar iman kepada Allah عز وجل.

Namun pada masa yang sama, kita juga dituntut supaya sentiasa berusaha dalam apa jua keadaan untuk membangun dan memajukan diri. Berserah kepada Allah ﷻ bukanlah bermaksud kita tidak boleh berusaha dan mengharapkan kepada ketentuan takdir semata-mata. Berserah kepada Allah ﷻ bermaksud kita memfokuskan segala usaha dalam kehidupan dan mengabdikan diri hanya untuk Allah ﷻ selaras dengan tujuan penciptaan manusia itu sendiri seperti mana firman Allah ﷻ dalam surah al-Zaariyat:

﴿وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ﴾

Bermaksud: “Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepada Ku.”

Maka dalam konteks ini, Islam menuntut kita menyerah dan mengabdikan diri sebagai seorang hamba sehingga sampai ke martabat ihsan iaitu pencapaian tertinggi dalam memperlengkapkan maksud ibadah, yang menentukan amalan kita diterima atau pun sebaliknya di sisi Allah ﷻ. Sabda Rasulullah ﷺ seperti yang diriwayatkan oleh Imam Muslim:

"قال: فأخبرني عن الإحسان؟ قال: أن تعبد الله كأنك تراه فإن لم تكن تراه فإنه يراك"

Mafhumnya: “Berkatalah Dia (Jibril): Beritahu kepadaku tentang Ihsan? (Nabi Muhammad ﷺ) bersabda: “(Ihsan ialah) engkau mengerjakan ibadah kepada Allah ﷻ seolah-olah engkau melihat-Nya, sekiranya engkau tidak melihat-Nya, sesungguhnya Dia (Allah ﷻ) melihat engkau.”

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

MUSLIMIN DAN MUSLIMAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Mimbar turut mengingatkan bahawa Aidiladha adalah *Idul Akbar* (raya terbesar) bagi umat ini kerana banyaknya pembebasan daripada neraka atau pengampunan dosa yang dianugerahkan oleh Allah ﷻ pada hari sebelumnya iaitu hari Arafah. Memandangkan betapa besar dan mulianya hari-hari yang

terdapat dalam bulan Zulhijjah ini, maka seharusnya kita merebut peluang membesarkan dan memuliakannya dengan melakukan pelbagai amalan soleh. Adalah sangat menyedihkan apabila melihat rata-rata umat Islam hari ini termasuklah kita sendiri, tidak membesarkan bulan Zulhijjah sebagaimana Islam membesarkannya. Mungkin kerana tiada pengetahuan atau mungkin juga kerana tidak prihatinnya kita terhadap agama sehingga kita terlepas pandang.

Kita sering melihat umat Islam menyambut Aidilfitri lebih meriah, lebih hebat dan lebih lama tidak seperti Aidiladha. Ada yang menghabiskan Aidiladha dengan begitu sahaja tanpa sebarang pengisian dan ada yang beranggapan Aidiladha hanyalah hari menyembelih korban semata-mata. Ketahuilah, bahawa kelebihan bulan ini bukan sahaja disediakan bagi orang yang pergi mengerjakan haji di Baitullah tetapi kepada semua umat Islam yang berada di mana sahaja, yang sentiasa berusaha mengambil kesempatan mengabdikan dirinya kepada Allah ﷻ.

Justeru, sementara kesempatan masih ada, marilah bersama-sama kita meraikan Aidiladha sebagai hari raya umat Islam dengan penuh penghayatan dan pengisian yang lebih sempurna. Tidak hanya sekadar ia berlalu begitu sahaja sebagai hari cuti umum sedang peluang keemasan yang dianugerahkan oleh Allah ﷻ kepada kita kerana kasih dan sayang terhadap para hamba-Nya. Sesungguhnya Aidilfitri dan Aidiladha merupakan anugerah Allah ﷻ yang penuh dengan kebaikan dan perlu diraikan sebaik mungkin. Rasulullah ﷺ bersabda dalam sebuah hadis sahih yang diriwayatkan oleh Abu Daud daripada Anas bin Malik رضي الله عنه:

قَدِمَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ الْمَدِينَةَ وَلَهُمْ يَوْمَانِ يَلْعَبُونَ فِيهِمَا فَقَالَ مَا هَذَانِ الْيَوْمَانِ قَالُوا كَمَا نَلْعَبُ فِيهِمَا فِي الْجَاهِلِيَّةِ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ إِنَّ اللَّهَ قَدْ أَبْدَلَكَم بِهِمَا خَيْرًا مِنْهُمَا يَوْمَ الْأَضْحَى وَيَوْمَ الْفِطْرِ

Mafhumnya: “Rasulullah ﷺ datang ke Madinah, sedangkan mereka sedang sibuk bergembira selama dua hari. Maka Rasulullah ﷺ bertanya: Hari apakah yang dua hari ini? Mereka menjawab: Kami biasa bergembira selama dua hari ini pada zaman Jahiliyah. Kemudian Rasulullah bersabda: “**Sesungguhnya Allah ﷻ telah menggantikannya dengan hari yang lebih baik daripada dua hari itu bagi kamu iaitu Aidilfitri dan Aidiladha.**”

MUSLIMIN DAN MUSLIMAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Mengakhiri khutbah Aidiladha ini, mimbar ingin menyimpulkan bahawa:

- Pertama:** Orang yang beriman pasti akan diuji oleh Allah ﷻ dalam bentuk musibah dan nikmat bagi mengukur kebenaran dan kekuatan iman.
- Kedua:** Berserah dan bergantung hanya kepada Allah ﷻ yang menetapkan segala ketentuan dan sentiasa berusaha membangun dan memajukan diri.
- Ketiga:** Umat Islam dituntut meraikan Aidiladha sebagai hari raya dengan penuh penghayatan dan pengisian yang lebih sempurna

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُم لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٠١﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil, berbuat baik (ihsan) dan memberi bantuan kepada kaum kerabat; dan melarang daripada melakukan perbuatan mungkar dan kezaliman. Ia mengajar kamu supaya kamu mengambil peringatan.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ
لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

اَللّٰهُ اَكْبَرُ، اَللّٰهُ اَكْبَرُ، اَللّٰهُ اَكْبَرُ،
اَللّٰهُ اَكْبَرُ، اَللّٰهُ اَكْبَرُ، اَللّٰهُ اَكْبَرُ،
اَللّٰهُ اَكْبَرُ، وَلِلّٰهِ الْحَمْدُ. اَشْهَدُ اَنْ لَا اِلَهَ اِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ. وَاَشْهَدُ اَنَّ مُحَمَّدًا
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُ
وَنَصْرَهُ وَوَالَاهُ.
اَمَّا بَعْدُ:
فِيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اَوْصِيْكُمْ وَاِيَّايَ بِتَقْوٰى اللّٰهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. وَتَزَوَّدُوا فَاِنَّ خَيْرَ الزَّادِ
التَّقْوٰى.
اَللّٰهُ اَكْبَرُ، اَللّٰهُ اَكْبَرُ، اَللّٰهُ اَكْبَرُ، وَلِلّٰهِ الْحَمْدُ

MUSLIMIN DAN MUSLIMAT SEKALIAN,

Pada Hari Raya Adha yang mulia ini, marilah kita mensyukuri nikmat Iman dan Islam yang telah dikurniakan kepada kita. Hendaklah kita mengambil hikmah dan pengajaran daripada sirah para Nabi terdahulu. Kerana itu, Allah ﷻ telah memberi peringatan kepada kita untuk mengambil pengajaran dari kisah-kisah Nabi yang diabadikan di dalam al-Quran. Sebagaimana Firman ﷻ dalam Surah Yusuf ayat 111 :

﴿لَقَدْ كُنَّا فِيْ قَصَصِهِمْ عِبْرَةً لِْأُوْلٰى الْأَلْبَابِ ۚ مَا كَانَ حَدِيْثًا يُفْتَرٰى وَلٰكِنْ تَصْدِيْقَ الَّذِيْ بَيْنَ يَدَيْهِ وَتَفْصِيْلَ كُلِّ شَيْءٍ ۚ وَهُدًى وَرَحْمَةً لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُوْنَ﴾

Maksudnya: “Demi sesungguhnya, kisah Nabi-nabi itu mendatangkan iktibar bagi orang yang mempunyai akal fikiran. Bukanlah ia suatu cerita yang dibuat-buat, tetapi ia mengesahkan apa yang tersebut dalam Kitab-kitab sebelumnya, dan sebagai keterangan yang menjelaskan tiap-tiap sesuatu, serta menjadi petunjuk dan rahmat bagi kaum yang beriman.”

MUSLIMIN DAN MUSLIMAT YANG DIMULIAKAN,

Sempena Hari Raya Adha ini juga, sebahagian umat Islam yang berkemampuan menjalankan ibadah korban sebagai mendekatkan diri kepada Allah ﷻ. Dengan itu, mimbar menyarankan agar semua pihak yang terlibat dapat menjalankan aktiviti penyembelihan korban mengikut **Garis Panduan Penyembelihan Ternakan Korban** yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar dengan kerjasama pihak JAKIM supaya aktiviti tersebut dapat dijalankan dengan lebih teratur dan bersih dengan mengambil kira kebajikan haiwan dan keselamatan makanan. Jabatan Perkhidmatan Veterinar juga lebih menggalakkan umat Islam supaya menjalankan aktiviti penyembelihan ternakan korban di rumah-rumah sembelih Jabatan yang terdapat di setiap negeri dan juga rumah sembelih swasta yang dilesenkan kerana kaedah pelaksanaannya lebih terkawal dan terjamin.

Selain itu, harus juga diingat bahawa ternakan yang akan disembelih perlu mempunyai dokumen penyembelihan seperti **Sijil Kesihatan Veterinar (SKV)**, **Akuan Pemindahan Ternakan (AKPT)** dan **Permit Penyembelihan Luar** yang boleh diperoleh di Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

Mimbar juga menyeru bersempena hari raya yang mulia ini, marilah kita sama-sama menghargai nikmat persaudaraan Islam yang telah kita kecapai selama ini. Ia juga sebagaimana anjuran yang disebut oleh Baginda Nabi Muhammad ﷺ dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari:

"لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّى يُحِبَّ لِأَخِيهِ مَا يُحِبُّ لِنَفْسِهِ"

Mafhumnya: “Tidak beriman seseorang daripada kamu sehingga dia kasih kepada saudaranya sebagaimana dia kasih kepada dirinya sendiri”.

Marilah kita memperbanyakkan selawat ke atas Baginda Nabi ﷺ yang telah banyak berkorban dalam usaha menyampaikan Islam kepada kita dan tanda kasih dan cinta kita kepada Baginda ﷺ berdasarkan Firman Allah ﷻ dalam Surah Al- Ahzab ayat 56 :

﴿إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah SWT dan Malaikat-Nya berselawat kepada Nabi; wahai orang yang beriman, berselawatlah kamu kepadanya serta mohonkanlah kesejahteraan dengan sepenuh penghormatan”

اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلٰى سَيِّدِنَا
اِبْرَاهِيْمَ وَعَلٰى آلِ سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ وَبَارِكْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
كَمَا بَارَكْتَ عَلٰى سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ وَعَلٰى آلِ سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ فِي الْعَالَمِيْنَ اِنَّكَ حَمِيْدٌ
مَّجِيْدٌ.

وَارْضَ اللّٰهُمَّ عَنِ الْاَرْبَعَةِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِيْنَ سَادَتِنَا اَبِي بَكْرٍ وَعُمَرُ وَعُثْمَانُ وَعَلِيٌّ بَنِ
اَبِي طَالِبٍ، وَعَنْ اَزْوَاجِ نَبِيِّنَا الْمُطَهَّرَاتِ مِنَ الْاَدْنَسِ وَعَنْ اَهْلِ بَيْتِهِ وَقَرَابَتِهِ وَعَنْ
سَائِرِ الصَّحَابَةِ الْاَكْرَمِيْنَ، وَالتَّابِعِيْنَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِاِحْسَانٍ اِلٰى يَوْمِ الدِّيْنِ، وَارْضَ عَنَّا
بِرَحْمَتِكَ يَا اَرْحَمَ الرَّاحِمِيْنَ.

اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْاَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْاَمْوَاتِ،
وَأَلْفَ بَيْنَ قُلُوْبِهِمْ وَأَصْلَحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ، وَأَنْصِرْهُمْ عَلَى عَدُوِّكَ وَعَلَى عَدُوِّهِمْ. اَللّٰهُمَّ
انْصُرْ سُلَاطِيْنَ الْمُسْلِمِيْنَ وَأَيِّدْهُمْ بِالتَّقْوٰى وَالتَّوْفِيْقِ اِلٰى يَوْمِ الدِّيْنِ، وَأَعْلِ كَلِمَةَ
الْمُوْحَدِّيْنَ، وَأَدِمْ لَهُمُ الْعِزَّةَ وَالتَّمَكِّيْنَ. اَللّٰهُمَّ اهْدِنَا سَبِيْلَ السَّلَامِ وَأَخْرِجْنَا مِنَ
الظُّلُمَاتِ اِلٰى النُّوْرِ، وَجَنِّبْنَا الْفَوَاحِشَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ.

اَللّٰهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالسَّكِيْنَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالْعَافِيَةَ عَلَى عَبْدِكَ الْحَارِسِ لِشَرِيْعَتِكَ
مَلِكِنَا،

كباوه دولي يغ مها مليا سري قادوك بکيندا يغ دڤرتوان اکوڠ کليما بلس
سلطان محمد کليما وعلى کُلِّ قَرَابَتِهِ أَجْمَعِينَ.

أَصْلَحَ اللَّهُ مُلْكَهُ وَإِحْسَانَهُ وَفَيْضَ لَهُ عَدْلَهُ وَبَلَّغَهُ مِنَ الْخَيْرِ مَا شَاءَهُ. اَللّٰهُمَّ اَدِمِ
الشَّرْعَ الشَّرِيفَ لَهُ وَلَوْزَرَانِهِ سَبِيْلًا وَمِنْهَاجًا. وَارْزُقْهُمْ التَّوْفِيْقَ لِكُلِّ خَيْرٍ وَاجْعَلْهُمْ
سِرَاجًا وَهَاجًا. اَللّٰهُمَّ اجْعَلْ مَا لِيْزِيَا وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِيْنَ طَيِّبَةً اَمْنَةً مُّطْمَئِنَّةً رَّخِيَةً.

اَللّٰهُمَّ سَلِّمْ بِلَادَنَا مِنَ الْمُفْسِدِيْنَ وَطَهِّرْهَا مِنَ الْمُتَطَرِّفِيْنَ وَوَقِّقْنَا جَمِيْعًا لِّطَاعَتِكَ
وَطَاعَةِ رَسُوْلِكَ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَطَاعَةِ مَنْ اَمَرْتَنَا بِطَاعَتِهِ.

اَللّٰهُمَّ اَعِزِّ الْاِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِيْنَ، وَاَذِلَّ الشِّرْكَ وَالْمُشْرِكِيْنَ، وَدَمِّرْ اَعْدَانِكَ اَعْدَاءَ
الدِّيْنِ، اَللّٰهُمَّ اَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالطُّغَاةَ وَالظَّالِمِيْنَ يَا رَبَّ الْعَالَمِيْنَ، اَللّٰهُمَّ اَنْصُرْ اِخْوَانَنَا
فِي كُلِّ مَكَانٍ، وَاَنْصُرْهُمْ عَلٰى عَدُوِّكَ وَعَلٰى عَدُوِّهِمْ، اَللّٰهُمَّ اجْمَعْ كَلِمَتَهُمْ، وَوَحِّدْ
صُفُوْفَهُمْ، يَا رَبَّ الْعَالَمِيْنَ.

﴿رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوْبَنَا بَعْدَ اِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً اِنَّكَ اَنْتَ الْوَهَّابُ﴾

﴿رَبَّنَا اِنَّا فِى الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِى الْاٰخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ﴾

عِبَادَ اللّٰهِ، ﴿اِنَّ اللّٰهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْاِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِى الْقُرْبَى وَيَنْهَى

عَنِ الْفَحْشَآءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُوْنَ﴾

فَاذْكُرُوْا اللّٰهَ الْعَظِيْمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوْهُ عَلٰى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ وَاسْأَلُوْهُ مِنْ فَضْلِهِ
يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللّٰهِ اَكْبَرُ. وَاللّٰهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُوْنَ.